

USIM raih naib johan MIROc

SEREMBAN 22 April - Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya menduduki tempat kedua dalam pertandingan Malaysia International Robot Competitions (MIROc) yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), baru-baru ini.

Kejayaan manis itu diperoleh selepas melakukan penyertaan kali ketiga oleh pasukan mahasiswa Fakulti Sains dan Teknologi (FST), biarpun persiapan yang dilakukan mereka pada kali ini cuma mengambil masa selama tiga bulan.

Ketua pasukan mahasiswa itu, Amali Zuklfadhli Anuar berkata, mereka yang mengambil program Fizik Gunaan dan Kejuruteraan Elektronik di USIM, melakukan aspek penambahbaikan hasil pengalaman penyertaan dalam dua

edisi MIROc lalu.

"Kami bersyukur kerana muncul sebagai naib johan dalam kategori *Conquer Robot* dan membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, sijil dan piala. Tempat pertama dimenangi Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan ketiga adalah Universiti Teknologi Petronas (UTP)," katanya di sini hari ini.

Tambahnya, USIM perlu bersaing dalam kategori sama dengan UTM, UTP, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia (UM).

Kumpulan USIM diwakili oleh Afiq Arif Aminuddin, Mohamad Azali Azahar, Amali Zulfadhli, Muhammad Nasri Tumiran, Ahmad Adli Mohamad Hanafi, Mohamad Zajwan Zulkifle dan Azraai Hakimi

Ahmad Tarmizi.

"Kerjasama dan persefahaman yang baik antara ahli pasukan yang bertungkus-jumus sebagai krew pit, pemain dan kordinator membuahkan rezeki kepada USIM kali ini.

"Kami juga gembira apabila memperoleh pingat gangsa dalam kategori Pembentangan Poster melalui Hazirah Hassan," kata Amali Zuklfadhli.

Tambahnya, kejayaan pasukan itu adalah hasil bimbingan penyarah program Kejuruteraan Elektronik FST, Prof. Ir. Dr. Ahmad Faizal Mohd Zain selain fakulti dan pengurusan USIM yang memberi sokongan yang tinggi.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah dilakukan oleh Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin.



PELAJAR-PELAJAR Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) gembira selepas berjaya menduduki tempat kedua dalam pertandingan Malaysia International Robot Competitions (MIROc) yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), baru-baru ini.